

## SOLAT SUNAT TARAWIH

قالَ الْمُصَنِّفُ رَحْمَةُ اللَّهُ تَعَالَى : وَمِنَ السُّنْنِ الرَّاتِبَةِ قِيَامٌ رَمَضَانَ وَهُوَ عِشْرُونَ رَكْعَةً بِعَشْرِ تَسْلِيمَاتٍ ، وَالدَّلِيلُ عَلَيْهِ مَا رَوَى أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ { كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُرَغِّبُ فِي قِيَامِ رَمَضَانَ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَأْمُرُهُمْ بِعَزِيزَةِ فَيَقُولُ : مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُرْبَرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ } وَالْأَفْضَلُ أَنْ يُصَلِّيهَا فِي جَمَاعَةٍ ، نَصَّ عَلَيْهِ [ فِي الْبُوئِيطِيِّ ] ، لِمَا رُوِيَ عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ جَمَعَ النَّاسَ عَلَى أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ فَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْتَّرَاوِيْحَ وَمِنْ أَصْحَابِنَا مَنْ قَالَ : فِعْلُهَا مُنْفَرِدًا أَفْضَلُ ) لِأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَالِي فَصَلَّوْهَا مَعَهُ ، ثُمَّ تَأَخَّرَ وَصَلَّى فِي بَيْتِهِ بَاقِيَ الشَّهْرِ } وَالْمَذْهَبُ الْأَوَّلُ ، وَإِنَّمَا تَأَخَّرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِتَلَالًا تُفَرَّضَ عَلَيْهِمْ ، وَقَدْ رُوِيَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : { حَشِيتُ أَنْ تُفَرَّضَ عَلَيْكُمْ فَتَعْجِزُوا عَنْهَا }

Al Musannif Rahimahullahu Taala berkata;

Dan dari solat-solat sunat rawatib ialah solat sunat qiamul Ramadhan (solat sunat tarawih), iaitu dua puluh rakaat dengan sepuluh salam. Dalilnya sebagaimana riwayat dari Abi Hurairah Radhiyallahu 'anhu berkata;

"Adalah Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam suka mendirikan qiamul Ramadhan (solat sunat tarawih) dengan tidak mewajibkan umat Islam mengerjakannya dan Baginda Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda;

"Siapa yang mendirikan Ramadhan (solat sunat tarawih) dengan penuh keimanan dan sempurna, diampunkan baginya dosa yang telah lalu"

Menunaikannya dengan cara berjemaah adalah lebih afdhal, telah dinaskan oleh al Buwaiti. Sebagaimana diriwayatkan, bahawa Saidina Umar Radhiyallahu 'anhu telah mengumpul orang ramai dengan menjadikan Ubai bin Kaab sebagai imam mereka.

Dan sahabat-sahabat Syafie berkata; "Mengerjakan secara bersendirian adalah lebih afdhal, kerana Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam telah menunaikannya beberapa malam dan para sahabat turut solat bersama baginda. Kemudian baginda tidak datang, dan solat di rumah selebihnya di bulan itu".

Pandangan yang sohih ialah solat berjemaah adalah lebih afdhal. Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam tidak datang (meneruskan berjemaah bersama sahabat)" semoga tidak menjadi fardhu ke atas umat Islam" Di dalam riwayat yang lain baginda bersabda; "Aku bimbang ianya menjadi fardhu ke atas kamu, maka kamu tidak mampu mengerjakannya"

(فرعٌ)

فِي مَذَاهِبِ الْعُلَمَاءِ فِي عَدَدِ رَكَعَاتِ التَّرَاوِيْحِ مَذْهَبُنَا أَنَّهَا عِشْرُونَ رَكْعَةً بِعَشْرِ تَسْلِيمَاتٍ غَيْرِ الْوِتْرِ ، وَذَلِكَ خَمْسُ تَرْوِيَحَاتٍ وَالثَّرْوِيَحَةُ أَرْبَعُ رَكَعَاتٍ بِتَسْلِيمَتَيْنِ ، هَذَا مَذْهَبُنَا ، وَبِهِ قَالَ أَبُو حَنِيفَةَ وَاصْحَابُهُ وَأَحْمَدُ وَدَاؤُدُ وَغَيْرُهُمْ ، وَنَقْلَهُ الْقَاضِي عِياضٌ عَنْ جُمُورِ الْعُلَمَاءِ ، وَحُكِيَ أَنَّ الْأَسْوَدَ بْنَ يَزِيدَ كَانَ يَقُولُ بِأَرْبَعينَ رَكْعَةً وَيُوَتِرُ بِسَبْعٍ . وَقَالَ مَالِكُ التَّرَاوِيْحُ تَسْعُ تَرْوِيَحَاتٍ وَهِيَ سِتٌّ وَثَلَاثُونَ رَكْعَةً غَيْرِ الْوِتْرِ ، وَاحْتَجَ بِأَنَّ أَهْلَ الْمَدِيْنَةِ يَفْعَلُوهَا هَكَذَا ، وَعَنْ نَافِعٍ قَالَ : أَدْرَكَتُ النَّاسَ وَهُمْ يَقُولُونَ رَمَضَانَ بِتَسْعِ وَثَلَاثِينَ رَكْعَةً يُوَتِرُونَ مِنْهَا بِثَلَاثٍ

Furu'

Mazhab ulamak dalam bilangan rakaat solat sunat tarawih, mazhab kita (Syafie) bilangan rakaatnya ialah dua puluh rakaat dengan sepuluh salam selain witir. Dengan itu ada lima tarawih (rehat) satu terawih (rehat) ada empat rakaat dengan dua salam, inilah mazhab kita.

Imam Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya, Imam Ahmad, Daud dan selain mereka berkata, sebagaimana dinaqalkan oleh al Qadhi Iyaid dari jumhur ulamak.

Dan diceritakan bahawa al Aswad bin Yazid telah mendirikan tarawih dengan empat puluh rakaat dan sembilan witir. Imam Malik berkata; solat sunat tarawih adalah sembilan rehat iaitu tiga puluh enam rakaat selain witir. Mereka mengambil hujah bahawa penduduk Madinah melakukannya demikian. Dari Nafi' berkata: Aku sempat bersama-sama dengan orang ramai, mereka mendirikan tarawih pada bulan Ramadhan tiga puluh sembilan rakaat dari termasuk witir tiga rakaat.

وَاحْتَجَ أَصْحَابُنَا بِمَا رَوَاهُ الْبَهْقِيُّ وَغَيْرُهُ بِالإِسْنَادِ الصَّحِيحِ عَنِ السَّائِبِ بْنِ يَزِيدَ الصَّحَابِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ " كَانُوا يَقُولُونَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ بِعِشْرِينَ رَكْعَةً وَكَانُوا يَقُولُونَ بِالْمِائَتَيْنِ وَكَانُوا يَتَوَكَّلُونَ عَلَى عِصِّيمٍ فِي عَهْدِ عُثْمَانَ مِنْ شِدَّةِ الْقِيَامِ وَعَنْ يَزِيدَ بْنِ رُومَانَ قَالَ كَانَ النَّاسُ يَقُولُونَ فِي زَمِنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بِثَلَاثٍ وَعِشْرِينَ رَكْعَةً رَوَاهُ مَالِكُ فِي الْمُوْطَأِ عَنْ يَزِيدَ بْنِ رُومَانَ وَرَوَاهُ الْبَهْقِيُّ لِكِنَّهُ مُرْسَلٌ فَإِنَّ يَزِيدَ بْنَ رُومَانَ لَمْ يُدْرِكْ عُمَرَ قَالَ الْبَهْقِيُّ يُجْمِعُ بَيْنَ الرِّوَايَتَيْنِ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَقُولُونَ بِعِشْرِينَ رَكْعَةً وَيُوَتِرُونَ بِثَلَاثٍ وَرَوَى الْبَهْقِيُّ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا قِيَامَ رَمَضَانَ بِعِشْرِينَ رَكْعَةً وَأَمَّا مَا ذَكَرُوهُ مِنْ فِعْلِ أَهْلِ الْمَدِيْنَةِ فَقَالَ أَصْحَابُنَا سَبَبُهُ أَنَّ أَهْلَ مَكَّةَ كَانُوا يَطْوُفُونَ بَيْنَ كُلِّ تَرْوِيَحَيْنِ طَوَاً وَيُصَلُّونَ رَكْعَيْنِ وَلَا يَطْوُفُونَ بَعْدَ التَّرْوِيَحِ الْخَامِسَةِ فَأَرَادَ أَهْلُ

الْمَدِينَةُ مُسَاوَاتُهُمْ فَجَعَلُوا مَكَانَ كُلِّ طَوَافٍ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ فَزَادُوا سِتَّ عَشْرَةَ رَكْعَةً وَأَوْتَرُوا بِشَلَاثٍ فَصَارَ  
الْمَجْمُوعُ تِسْعًا وَثَلَاثِينَ وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Sahabat-sahabat kita mengambil hujah sebagaimana riwayat dari al Baihaqi dan selainnya dengan isnad yang sahih dari as Saaib bin Yazid iaitu seorang sahabat nabi Radhiyallahu 'anhu berkata: "Adalah orang ramai mendirikan tarawih di zaman Umar bin al Khattab Radhiyallahu 'anhu pada bulan Ramadhan dengan dua puluh rakaat. Dan ada yang mendirikannya dengan dua ratus rakaat. Dan di zaman Uthman terdapat orang ramai menggunakan tongkat kerana bersungguh mendirikannya".

Dari Yazid bin Ruman berkata; "Adalah orang ramai di zaman Saidina Umar bin al Khattab Radhiyallahu 'anhu mendirikan tarawih dengan dua puluh rakaat. Riwayat dari Malik di dalam kitab al Muwattanya dari Yazid bin Ruman dan riwayat dari al Baihaqi, tetapi ianya mursal. Kerana Yazid bin Ruman tidak sempat dengan Saidina Umar. Al Baihaqi berkata dengan menghimpunkan dua riwayat itu, menyatakan bahawa orang ramai mendirikan tarawih dua puluh rakaat dengan tiga rakaat witir.

Dan riwayat dari al Baihaqi dari Ali Radhiyallahu 'anhu, mendirikan qiamu Ramadhan dengan dua pun rakaat.

Ada pun yang menyebut mengenai solat tarawih yang didirikan oleh penduduk Madinah sebagaimana sahabat-sahabat Syafie berkata;

Sebabnya kerana penduduk Makkah mengerjakan tawaf di antara setiap dua rehat (tarawih) dan kemudian mereka mendirikan solat sunat tawaf dua rakaat, dan mereka tidak tawaf selepas rehat (tarawih) yang kelima.

Penduduk Madinah hendak menyamakan sembahyang mereka dengan menjadikan tempat setiap tawaf itu dengan empat rakaat iaitu mereka menambah enam belas rakaat dan witir tiga rakaat maka jadilah, jumlahnya tiga puluh sembilan, Wallahu alam.

(فَرْعَ)

قَالَ صَاحِبَا الشَّامِ وَالْبَيْانِ وَغَيْرُهُمَا قَالَ أَصْحَابُنَا لَيْسَ لِغَيْرِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ أَنْ يَفْعُلُوا فِي التَّرَاوِيْحِ فِعْلَ أَهْلِ الْمَدِينَةِ فَيُصَلُّوْهَا سِتَّاً وَثَلَاثِينَ رَكْعَةً لِأَنَّ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ شَرْفًا بِمُهَاجِرَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَدْفَنِهِ بِخِلَافِ غَيْرِهِمْ وَقَالَ الْقَاضِي أَبُو الطَّيْبِ فِي تَعْلِيقِهِ قَالَ الشَّافِعِيُّ فَأَمَّا غَيْرُ أَهْلِ الْمَدِينَةِ فَلَا يَجُوزُ أَنْ يُمَارِرُوا أَهْلَ مَكَّةَ وَلَا يُنَافِسُوهُمْ

Furu'

Pengarang kitab as Syamil dan al Bayan dan selainnya berkata; telah berkata sahabat-sahabat Syafie; "Janganlah selain dari ahli Madinah melakukan sembahyang sunat tarawih sebagaimana yang dilakukan oleh penduduk Madinah, iaitu sembahyang dengan tiga puluh enam rakaat, kerana penduduk Madinah hendak memuliakan tempat hijrah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam dan tempat dikebumikan Baginda Sallallahu 'alaihi Wasallam berbeza selainnya. Dan al Qadhi Abu Taaib di dalam kitab Takliqnya berkata: "Imam Syafie telah berkata adalah selain dari penduduk Madinah tidak harus mengikut atau berlumba dengan penduduk Makkah.